**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
***Accountant General's Department of Malaysia***
**NEGERI PAHANG**
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : https://pahang.anm.gov.my

*Ruj. Tuan :*
*Ruj. Kami* : ANM.PHG.600-15/2/15 Jld.2 (55)
*Tarikh* : 15 Ogos 2025

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran**
**(Seperti di Lampiran Adan Lampiran B)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT JULAI 2025**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 10.1 Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 tahun 2023),** PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya.**

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit pada bulan Julai 2025 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang pada **bulan Julai 2025.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Siti Rodziah binti Haron di talian 09-5915026.
Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menjalankan amanah,

**(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA))**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang